


1. JAWATAN	: NAZIR KHAS
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: DUA (2)

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Mathematics / Chemistry* atau bidang bersesuaian.  
ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Pelajaran atau jawatan sebanding dalam tanggagaji G.13 / PG.3 atau tanggagaji sebanding dan mempunyai pengalaman mengajar dalam salah satu mata pelajaran berikut tidak kurang dari 5 tahun:  
  - i) *Chemistry*
  - ii) *Mathematics*

**ATAU**

- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji G.11 / B.2 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



#### **KEPERLUAN-KEPERLUAN LAIN SEBAGAI KELEBIHAN:**

- i. Menunjukkan kebolehan dan keyakinan untuk menilai dan menasihati tenaga pengajar dan pentadbir sekolah (Peringkat Menengah).
- ii. Menunjukkan sifat-sifat kepimpinan, inovatif dan proaktif dalam melaksanakan tugas.
- iii. Mempunyai kebolehan merancang, menyediakan kertas kerja dan mengendalikan kaji selidik adalah kelebihan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB NAZIR KHAS:**

1. Menyelia, menilai, membimbing dan menasihati para pengajar dan pentadbir sekolah berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran semua mata pelajaran serta sahsiah para pelajar.
2. Menyediakan laporan hasil daripada penyeliaan, penilaian dan pemantauan yang dikendalikan di sekolah yang terlibat.
3. Mengendalikan dan menyelia kursus-kursus atau bengkel serta merancang dan melaksanakan kaji selidik dalam bidang mata-mata pelajaran terutama bagi mata pelajaran yang berkaitan.
4. Memantau pelaksanaan dasar-dasar, projek-projek dan program-program Kementerian Pendidikan yang berjalan di sekolah-sekolah dari semasa ke semasa.
5. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.